

Hukum Najis *Mughallazah* dan Kaedah Sertu Menurut Pandangan Empat Mazhab

Hukm for Najis Mughallazah and Sertu Method According to The Views of The Four Schools

Ummi Anis Yusof¹, Wan Ainaa Mardhiah Wan Zahari^{2*}

¹ Fakulti Syariah dan Undang-undang,
Universiti Sains Islam Malaysia, MALAYSIA

² Jabatan Pengajian Islam, Pengenalan Pusat pengajian Umum dan Kokurikulum
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, MALAYSIA

*Corresponding Author: mardhiah@uthm.edu.my
DOI: <https://doi.org/10.30880/jqsr.2023.04.02.003>

Maklumat Artikel

Diserah: 26 September 2023
Diterima: 2 Oktober 2023
Diterbitkan: 31 Disember 2023

Kata Kunci

Najis *mughallazah*, sertu, mazhab,
Turath Islami

Abstrak

Najis *mughallazah* merupakan najis berat yang melibatkan anjing dan babi serta kaedah basuhannya juga mempunyai cara yang tersendiri. Namun, terdapat perbezaan pandangan ulama tentang hukum kenajisan haiwan tersebut dan kaedah basuhannya. Justeru itu, artikel ini akan mengemukakan beberapa pandangan ulama berdasarkan kitab-kitab fiqh yang melibatkan imam empat mazhab iaitu mazhab Hanafiyy, Malikiyy, Syafi'iyy dan Hanbaliyy. Penulisan ini berbentuk kualitatif dan deskriptif merangkumi kajian perpustakaan dengan kaedah analisis dokumen berdasarkan kitab- kitab turath fiqh empat mazhab dan buku-buku para ulama kontemporari. Hasil kajian mendapati terdapat perbezaan pandangan mengenai hukum najis *mughallazah* dan kaedah sertu menurut pandangan empat mazhab. Babi telah disepakati oleh semua lama mazhab tentang pengharamannya kerana ia telah jelas dinyatakan dalam al-Quran. Namun, begitu perbezaan pendapat telah wujud berkenaan hukum kenajisan anjing. Menurut mazhab Syafi'iyy dan Hanbaliyy mereka bersepakat menyatakan anjing adalah najis secara keseluruhan dan kaedah basuhannya adalah dengan membasuh sebanyak tujuh kali dan basuhan pertama dengan air tanah. Manakala, mazhab Hanafiyy dan Malikiyy telah wujud perbezaan pendapat dalam hal tersebut iaitu mazhab Hanafiyy menyatakan anjing hanya najis pada air liurnya sahaja dan hendaklah dibasuh sebanyak tiga kali sahaja. Manakala, mazhab Malikiyy pula berpandangan bahawa anjing bukanlah najis dan jika terkena air liurnya hendaklah dibasuh sebanyak tujuh kali sebagai tujuan *ta'abuddi*.

Keywords

Mughallazah faeces, sertu, mazhab, Turath Islami

Abstract

Mughallazah faeces refer to the excrement produced by dogs and pigs. The process of cleaning these faeces also follows a distinct methodology. Nevertheless, there exists a divergence of scholarly perspectives about the legislation pertaining to the impurity of animals and the corresponding procedures for their purification. This article aims to provide an overview of scholarly perspectives derived from fiqh publications pertaining to the imams of four prominent schools of Islamic jurisprudence, namely the Hanafiyy, Malikiyy, Syafi'iyy and Hanbaliyy schools. This study employs a qualitative and descriptive approach, including library research and the technique of document analysis. The primary sources for analysis are fiqh turat literature from four madhabs, as well as relevant works by modern academics. The study's findings indicate that there are divergent perspectives on the mughallazah impurity law and its associated methodology, as per the viewpoints espoused by the four major schools of thought. The ban of pigs has achieved consensus among several religious groups due to its explicit mention in the Qur'an. The Syafi'iyy and Hanbaliyy schools concur on the notion that dogs are inherently dirty. They prescribe a specific cleansing ritual for dogs, including a total of seven washes, with the first wash using ground water. In relation to this matter, it is worth noting that the Hanafiyy and Malikiyy schools have divergent perspectives. Specifically, the Hanafiyy school asserts that dogs are deemed filthy only due to their saliva, necessitating a cleansing ritual of three washes. In contrast, the Malikiyy school holds the viewpoint that a dog does not possess impurity, and in the event of contact with its saliva, it is recommended to cleanse the affected area by a ritualistic rite known as ta'abuddi, including the process of washing it seven times.

1. Pendahuluan

Salah satu aspek yang terpenting dalam kehidupan seorang Muslim ialah kebersihan. Hal ini kerana kebersihan merupakan asas penerimaan ibadah kepada Allah SWT yang melibatkan wuduk atau mandi seluruh badan (*Ghusl*) bagi membersihkan diri daripada kekotoran fizikal, seperti najis kecil (*Hadas*) dan najis besar (*Janabah*), serta kekotoran lain. Perkara ini bertujuan untuk memastikan seseorang itu bersih dari segi fizikal dan bersedia dari segi rohani untuk melaksanakan ibadah kepada Allah SWT. Kebersihan juga turut di nyatakan dalam al-Quran iaitu:

﴿إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ التَّوَابِينَ وَيُحِبُّ الْمُطَهَّرِينَ﴾

Maksudnya: Allah SWT menyukai orang yang bertaubat dan menyukai orang yang menyucikan diri. (Al-Quran. Al- Baqarah 2:222)

Manakala, menurut hadis pula, Rasulullah SAW bersabda:

﴿إِنَّ اللَّهَ طَيِّبٌ يُحِبُّ الطَّيِّبَ، نَظِيفٌ يُحِبُّ النَّظِيفَةَ، كَرِيمٌ يُحِبُّ الْكَرَمَ، جَوَادٌ يُحِبُّ الْجَوَادَ، فَظَفَّفُوا، أَرَاهُ قَالَ: أَفْنِيْتُكُمْ وَلَا تَشْهُدُو بِالْيَهُودِ﴾

Maksudnya: Sesungguhnya Allah SWT itu baik, Dia menyukai kebaikan. Allah SWT itu bersih, Dia menyukai kebersihan. Allah SWT itu mulia, Dia menyukai kemuliaan. Allah SWT itu pemurah ia menyukai sifat pemurah. Maka bersihkanlah dan janganlah kamu menyerupai kaum Yahudi. (Hadis. Mishkat al-Masabih. Kitab al-Libas. Bab al-Tarajul. No. 4487)

Oleh sebab itu, menjaga kebersihan daripada kekotoran atau najis adalah perkara yang sangat dituntut dalam agama Islam. Bersih dalam Islam mempunyai dua kategori iaitu bersih dari luaran dan dalaman. Kebersihan luaran merangkumi berwuduk, tayamum dan mandi wajib iaitu bersih tubuh badan, pakaian dan tempat ibadat. Manakala, kebersihan dalaman pula melibatkan pembersihan hati dan jiwa dengan sifat-sifat terpuji (*mahmudah*) daripada sifat-sifat keji (*mazmumah*), syirik dan sebagainya (Imam al-Ghaazali, 1993).

Terdapat dua kategori bersuci dalam Islam iaitu bersuci daripada najis dan bersuci daripada hadas. Namun, kajian ini hanya tertumpu kepada bersuci daripada najis yang merangkumi hukum najis *mughallazah* iaitu anjing dan babi serta kaedah membersihkannya berdasarkan pandangan mazhab-mazhab fiqh.

2. Jenis-Jenis Najis

Najis dari segi bahasa bermaksud segala yang kotor. Manakala dari sudut syarak adalah sesuatu yang kotor yang menghalang sah solat, seperti darah dan air kencing. Setiap kategori najis perlu dibersihkan sama ada berbentuk nyata dapat dilihat dan terasa dengan pancaindera ('ayni) atau yang tidak boleh dilihat dan terasa dengan pancaindera (*hukmi*) seperti yang terdapat pada anggota tubuh badan, pakaian atau tempat. Terdapat tiga kategori najis iaitu *mukhaffafah* (ringan), *mutawassitah* (pertengahan), dan *mughallazah* (berat). Perincian mengenai kategori najis adalah seperti berikut (Mustafa al-Khan, 1992):

- i. Najis *mukhaffafah* (ringan dari segi hukum). Jenis najis ini hanya satu iaitu air kencing kanak-kanak lelaki berumur dua tahun ke bawah yang tidak makan kecuali meminum susu ibunya sahaja. Cara menyucikannya adalah tempat tersebut disucikan dengan merenjiskan air mutlak ke atasnya sekali sehingga hilang, dengan syarat hilangnya 'ain air kencing atau dilap terlebih dahulu sebelum direnjas (Hasbullah, t.th). Membasuh tempat tersebut dengan aliran air mutlak adalah lebih baik.
- ii. Najis *mutawassitah* (pertengahan dari segi hukum). Kategori ini adalah najis yang terhasil selain dari najis *mukhaffafah* dan *mughallazah*. Sebagai contoh darah, air kencing dewasa, tahi manusia dan binatang, arak dan lain-lain. Cara menyucikannya adalah membasuh tempat yang terkena najis dengan air mutlak (bersih) dengan mengalirkannya pada tempat yang terkena tersebut.
- iii. Najis *mughallazah* (berat dari segi hukum). Terdapat dua jenis najis dalam kategori ini iaitu anjing dan babi serta apa sahaja yang boleh terlahir dari kedua-dua haiwan tersebut atau salah satu daripadanya. Cara menyucikannya adalah menggunakan proses sertu di mana membasuh tempat yang terkena najis tersebut dengan mengalirkan air mutlak sebanyak tujuh kali. Manakala salah satu daripadanya adalah air yang bercampur dengan tanah (sebaiknya pada basuhan pertama).

Menggunakan air mutlak (bersih) adalah cara yang paling terbaik dalam membersihkan najis kerana sifat yang terdapat pada air boleh menghilangkan zat najis dan kesan-kesannya.

3. Hukum Kenajisan Babi Menurut Mazhab

Semua mazhab bersepakat menyatakan hukum najis babi adalah haram secara keseluruhan kerana telah diterangkan secara jelas dalam al-Quran iaitu pada ayat-ayat berikut. Firman Allah SWT:

﴿ حَرَمَ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةُ وَالدَّمُ وَلَحْمُ الْخِنْزِيرِ ﴾

Maksudnya: Sesungguhnya Allah SWT hanya mengharamkan kepada kamu memakan bangkai, dan darah, dan daging babi. (Al-Quran. Al-Baqarah 2:173)

Manakala, terdapat juga dalam surah al-An'am ayat 145, firman Allah SWT:

﴿ فَإِنْ لَا يَجِدْ فِي مَا وَحِيَ إِلَيْهِ مُحَرَّماً عَلَى طَاعِمٍ يَطْعَمُهُ إِلَّا أَنْ يَكُونَ مَيْتَةً أَوْ دَمًا مَسْفُوحًا أَوْ لَحْمَ خِنْزِيرٍ فَإِنَّهُ رَجْسٌ أَوْ فَسَقًا أَهْلُ لَغْرِبَةٍ بَغْرَبَةٍ بَغْرَبَةٍ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٌ فَإِنَّ رَبَّكَ غَفُورٌ ﴾

Maksudnya: Katakanlah, tiadalah aku peroleh dalam wahyu yang diwahyukan kepadaku, sesuatu yang diharamkan bagi orang yang hendak memakannya, kecuali kalau makanan itu bangkai, atau darah yang mengalir atau daging babi kerana sesungguhnya semua itu kotor atau binatang yang disembelih atas nama selain Allah. Barangsiapa, yang dalam keadaan terpaksa, sedang dia tidak menginginkannya dan tidak (pula) melampaui batas, maka sesungguhnya Tuhanmu Maha Pengampun lagi Maha Penyayang. (Al-Quran. Al-An'am 4:145)

Berikut adalah penerangan mengikut mazhab tentang pengharaman najis babi. Pertama, mazhab Hanafiyy menyatakan menurut Ibn Mawdud al-Musiliyy (1937):

Terjemahannya: Najis, iaitu air liur babi, anjing, dan binatang buas. Manakala, babi adalah najis pada ain, dan air liurnya kerana semua itu terhasil daripada dagingnya.

Seterusnya, menurut 'Ala al-Din al-Kasaniyy (1986) iaitu:

Terjemahannya: Babi: Menurut Abu Hanifah, ia adalah najis pada ain kerana Allah SWT menyifatkannya sebagai rjis, maka dilarang menggunakan bulunya dan semua bahagian badannya sehingga dia memberikan *rukhsah* (keringanan) pada bulunya kepada penjahit kulit sekiranya berlaku darurat.

Kedua, menurut mazhab Malikiyy pengharaman babi adalah sepetimana yang disebut oleh al-Saqliyy (2015) iaitu:

Terjemahannya: Kerana babi memakan lebih banyak najis dan kekotoran daripada anjing dan telah terdapat nas secara jelas dalam al-Quran yang menyatakan tentang pengharamannya, Oleh itu, hukum terhadap babi dianggap lebih berat berbanding dengan anjing.

Manakala, menurut Abd al-Qadir (1991) telah menghuraikan secara terperinci berkenaan dengan ayat 173 surah al-Baqarah iaitu:

Terjemahannya: bermaksud daging babi dengan semua anggota dan bahagian tubuhnya, tetapi dikelaskan sebutan daging sahaja kerana ia yang bermaksud untuk dimakan. Faedah mentakhsiskan (mengkhususkan) daging babi tanpa daging binatang buas yang lain, bahawa kebiasaan orang kafir (memakan) daging babi, maka ia dikhususkan dengan hukum ini, dan inilah yang dikatakan oleh semua ulama.

Ketiga, menurut mazhab Syafi'iyy yang dinyatakan oleh Zakariyya al-Ansariyy (1994) iaitu:

Terjemahannya: telah diperincikan bahawa babi merupakan haiwan yang dianggap lebih teruk daripada anjing, kerana haiwan tersebut tidak diperbolehkan untuk dipelihara dalam apa jua keadaan sama ada untuk penjagaan atau pemburuan dan disarankan juga untuk membunuhnya.

Bukan itu sahaja, al-Sharbiniyy (1994) turut menerangkan perkara berkaitan kenajisan babi iaitu:

Terjemahannya: Babi adalah sama seperti anjing dan apa sahaja yang lahir daripada keduanya atau salah satu daripadanya dengan haiwan yang suci kerana babi dianggap lebih hina kedudukannya.

Keempat, menurut mazhab Hanbaliyy yang dinyatakan oleh Mansur bin Yunus al-Bahutiyy (1983) iaitu:

Terjemahannya: Babi telah dinyatakan bahawa haiwan tersebut lebih teruk daripada anjing. Kerana telah terbukti dalam dalam al-Quran tentang larangannya termasuklah untuk memiliki.

Bukan itu sahaja, al-Mardawiyy (1995) menyatakan perkara yang sama iaitu:

Terjemahannya: Ibnu Tamim dan penulis menerangkan tentang pandangan yang sahih dan dipegang oleh para ulama' mazhab berkaitan dengan najis babi adalah sama seperti najis anjing. Imam Ahmad turut menyatakan bahawa babi adalah lebih teruk daripada anjing dan dikatakan juga najis babi tidak sama seperti najis anjing.

Kesimpulannya, jelaslah semua mazhab bersepakat dalam menyatakan hukum kenajisan babi atau apa sahaja yang lahir daripadanya adalah haram pada ainnya iaitu secara keseluruhan. Ini kerana telah terdapat nas al-Quran yang menjelaskan tentang pengharamannya ini menjadi bukti bahawa najis babi adalah lebih berat daripada najis anjing. Seterusnya, babi juga diizinkan oleh syarak untuk membunuhnya tanpa bahaya dan dikatakan babi adalah lebih jijik kerana ia memakan makanan yang kotor. Bukan itu sahaja, tidak dibenarkan untuk menggunakan bulu babi oleh penjahit kulit, dan tidak dibolehkan juga untuk memeliharanya walau dalam apa jua keadaan.

4. Hukum Kenajisan Anjing Menurut Mazhab

Setiap mazhab mempunyai perbezaan pandangan mengenai kenajisan anjing ini telah dijelaskan seperti mana berikut. Kenajisan anjing berdasarkan mazhab Hanafiyy yang telah dinyatakan oleh Ibnu Mazah al-Bukhariyy al-Hanafiyy (2004), ialah pada air liurnya sahaja kerana terdapat hadis Rasulullah SAW iaitu:

{وَإِنَّا نَحْنُ بِقَوْلِهِ عَلَيْهِ السَّلَامُ: "يَغْسِلُ الْإِنَاءَ مِنْ وَلُوْغِ الْكَلْبِ ثَلَاثَةً" وَهَذَا أَمْرٌ بِصِرْفِهِ الْجَبْرُ، وَعَنْ رَسُولِ اللَّهِ عَلَيْهِ السَّلَامُ "أَنَّهُ أَمْرٌ بِغَسْلِ الْإِنَاءِ مِنْ وَلُوْغِ الْكَلْبِ ثَلَاثَةً" وَالْأَمْرُ بِغَسْلِ الْإِنَاءِ لَا يَكُونُ تَعْدِيًّا؛ لِأَنَّ غَسْلَ الظَّرْفَوْفَ لَا تَعْدِي قَرْبَةَ فِيدِلَ ذَلِكَ عَلَى تَنْجِسِهِ، وَإِنَّمَا تَنْجِسُ الْإِنَاءَ بِوَلُوغِهِ إِذَا كَانَ لَعَابَهُ نَجِسًا وَإِنَّمَا يَكُونُ لَعَابَهُ نَجِسًا إِذَا كَانَ لَحْمَهُ نَجِسًا}

Hadis. Sunan Abi Dawud. Kitab Badhl al-majhud Fi hal Sunan Abi Dawud. Bab Ghuls al-Janaba. No. 248)

Seterusnya, Seorang ulama mazhab Hanafiy berkata:

Terjemahannya: para ulama mazhab Hanafiy berselisih pendapat mengenai kenajisan anjing, iaitu adakah haiwan tersebut najis pada ain sama seperti babi atau sebaliknya. Justeru itu, pandangan yang paling tepat (sahih), ia bukanlah najis pada ain. (al- Hussein, 2000).

Petikan di atas jelas menunjukkan bahawa mazhab Hanafiy menyatakan anjing tidak najis pada ain (tubuhnya) tetapi hanya najis pada air liurnya sahaja dan hendaklah dibasuh sebanyak tiga kali basuhan. Seterusnya, berdasarkan pendapat mazhab Malikiyy berkenaan dengan kenajisan anjing adalah berbeza daripada mazhab yang lain kerana bagi ulama mazhab Malikiyy, anjing tidak najis sama ada yang boleh dijadikan sebagai penjaga dan buruan ataupun yang tidak boleh. Perkara ini telah dinyatakan oleh al-Saqliyy (2013) iaitu:

Terjemahannya: *"dalil yang menyatakan anjing itu bukan najis adalah berdasarkan firman Allah SWT:*

﴿فَكُلُوا مَا أَمْسَخَ اللَّهُ عَلَيْكُمْ﴾

Maksudnya: "Maka makanlah dari apa yang ditangkapnya untukmu". (Al-Quran. Al-Ma'iddah 6:4)

Dan jika anjing itu najis, maka Allah SWT akan mengarahkan supaya menyucikan apa yang telah ditangkap oleh haiwan tersebut kepada kita.

Bukan itu sahaja, pandangan Wahbah Az-zuhaili (T.th) yang masyhur bahawa semua anjing, sama ada boleh digunakan untuk berjaga dan berburu atau tidak, hendaklah dicuci jilatannya tujuh kali yang bertujuan sebagai bentuk ketaatan (*ta'abbudiy*). Begitu juga, bejana tidak perlu dicuci tujuh kali jika anjing hanya mencelupkan kaki atau lidahnya ke dalam air tanpa menggerakkannya atau membiarkan air liurnya jatuh.

Berdasarkan penerangan di atas, jelas menurut mazhab Malikiyy anjing tidak najis dan jilatannya sahaja yang perlu dibasuh sebanyak tujuh kali sebagai tujuan *ta'abbudiy*. Ini kerana telah dinyatakan anjing merupakan salah satu haiwan buruan dan hasil buruannya boleh dimakan tanpa perlu dibersihkan. Selanjutnya, hukum kenajisan anjing dalam mazhab Syafi'iyy adalah sama dengan mazhab Hanbaliyy iaitu haram secara keseluruhan. Oleh sebab itu, apa-apa sahaja yang terkena najis anjing wajib membasuh najis tersebut sebanyak tujuh kali dan salah satu basuhannya adalah dengan air tanah. Perkara ini telah dijelaskan oleh al- Nawawiyy (1994) iaitu:

Terjemahannya: Tidak ada perbezaan antara anggota badan anjing yang lain dengan jilatannya. Kerana apabila sesuatu perkara yang suci terkena air kencing, najis, darah, peluh, bulu atau mana-mana bahagian daripada haiwan tersebut yang salah satunya berada dalam keadaan basah. Maka, hendaklah dibersihkan dengan tujuh kali basuhan dan salah satu daripadanya dengan air yang bercampur tanah.

Seterusnya, telah dijelaskan juga oleh al-khatib al-Shirbini (2013) iaitu:

Terjemahannya: Hukum asal haiwan yang terdapat di muka bumi ini adalah suci, kecuali apa yang telah ditetapkan haram oleh syarak iaitu anjing walaupun telah dinyatakan haiwan tersebut boleh dilatih untuk dijadikan haiwan buruan. Namun, terdapat hadis Muslim yang bermaksud: "penyucian bejana salah seorang dari kamu jika anjing itu menjilatnya maka hendaklah disucikannya dengan tujuh kali basuhan, yang mana basuhan pertama dengan air tanah".

Manakala, mazhab Hanbaliyy turut menjelaskan perkara yang sama iaitu oleh Mansur bin Yunus al-Bahutiyy (1983) iaitu:

Terjemahannya: Anjing dan babi adalah najis begitu juga apa yang terhasil daripada kedua-duanya serta peluh dan air liurnya. Semua yang keluar daripada haiwan tersebut tidak mempunyai percangahan hukum dalam mazhab.

Seterusnya, Air liur anjing adalah najis dan wajib menyucikan apa-apa yang telah disentuh oleh air liurnya. Turut diperjelaskan oleh Ibn Qudamah (1997) iaitu:

Terjemahannya: Terdapat dua kategori najis salah satu daripadanya adalah anjing dan babi serta apa yang terlahir daripada keduanya atau salah satu daripadanya.

Kesimpulannya, berdasarkan mazhab Hanafiy air liur anjing sahaja yang dianggap sebagai najis dan hendaklah dibasuh dengan air mutlak sebanyak tiga kali. Manakala, anjing tidak najis sama sekali dalam mazhab Malikiyy dan sekiranya terkena air liurnya hendaklah dibasuh sebanyak tujuh kali bagi tujuan *ta'abbudiy*. Akhir sekali, bagi mazhab Syafi'iyy dan Hanafiy anjing adalah najis secara keseluruhan termasuk apa sahaja yang lahir

daripada keduanya. Maka, apa-apa sahaja yang terkena najis anjing hendaklah dibasuh sebanyak tujuh kali dan salah satunya dengan air tanah.

5. Cara Sertu Menurut Pandangan Mazhab Fiqh

Setiap mazhab mempunyai cara yang berbeza untuk membersihkan najis *mughallazah*. Penerangan secara terperinci seperti mana berikut:

5.1 Cara Sertu Menurut Pandangan Mazhab Hanafiyy dan Malikiyy

Cara sertu menurut mazhab Hanafiyy adalah dengan membasuh najis *mughallazah* sebanyak tiga kali basuhan saja. Ini kerana, Mazhab Hanafiyy menolak hadis tujuh kali basuhan dan salah satunya dengan air tanah kerana perawi yang meriwayatkan hadis tersebut iaitu Abu Hurayrah RA telah menyanggahi apa yang telah diriwayatkan olehnya di dalam sebuah hadis lain iaitu (Abu Jacfar Ahmad al-Tahawiyy (1993):

{عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ فِي الْأَنَاءِ يَلْغُ فِيهِ الْكَلْبُ أَوِ الْمُرْدُ، قَالَ: "يَغْسِلُ ثَلَاثَ مَرَّاتٍ"}

Maksudnya: “Dari Abu Hurayrah RA, bejana yang telah dijilat oleh anjing atau kucing, beliau berkata: “Hendaklah dicuci tiga kali”. (Hadis. Sharh Ma’ani al-Athar. No. 196)

Manakala, terdapat juga penjelasan yang menyatakan mazhab Hanafiyy membersihkan sesuatu perkara yang terkena najis cukup sekadar menyucikannya sehingga hilang najis tersebut. Hal ini juga dijelaskan oleh al-Hanafiyy (2004):

Terjemahannya: Najis akan dikira suci sekira seseorang yang terkena najis pada tubuhnya atau sebahagian anggota badannya lalu dia membersihkannya dengan menjilat atau menyapu najis tersebut dengan air liurnya sehingga hilang segala kesan najis tersebut.

Justeru itu, cara sertu bagi mazhab Hanafiyy adalah apabila apa-apa sahaja terkena jilatan anjing hendaklah disucikan sebanyak tiga kali basuhan sahaja. Ini kerana mereka berdalikan bahawa Abu Hurayrah RA pernah meriwayatkan hadis bahawa cukup membasuhnya dengan tiga kali basuhan sahaja jika itu dapat menghilangkan kesan air liur anjing. Mazhab Hanafiyy juga berpendapat bahawa air liur anjing adalah sama seperti najis-najis yang lain dan tidak boleh diqiasikan mulut dan jilatannya kepada seluruh bahagian tubuh anjing.

Manakala, sertu menurut pandangan mazhab Malikiyy pula ialah dengan mencuci bekas yang dijilat oleh anjing sebanyak tujuh kali. Perbuatan tersebut bukanlah disebabkan kenajisan air liur, mulut dan lidahnya tetapi disebabkan ta’abbudiyy kepada Allah SWT semata-mata. Imam Malikiyy juga pernah berkata iaitu:

Terjemahannya: “Imam Malikiyy berkata: haiwan yang diburu oleh anjing boleh dimakan, lalu bagaimana air liurnya boleh menjadi haram?” (Abu Bakr Muhammad, 2013).

Ini kerana menurut mazhab Malikiyy menyucikan najis adalah sunat bukan wajib. Perkara ini telah dijelaskan oleh Abd al-Wahhab (2004) iaitu:

Terjemahannya: “dan bekas daripada jilatan anjing itu hendaklah dibersihkan dengan tujuh kali basuhan, dan air itu hendaklah ditumpahkan sebagai satu hukum sunat sahaja. Tidak perlu ditumpahkan cecair-cecair lain yang dijilat oleh anjing”.

Selanjutnya terdapat juga penjelasan daripada Abd al-Wahhab (2004) iaitu:

Terjemahannya: Sesuatu bekas yang telah dijilat oleh anjing hendaklah dibersihkan dengan tujuh kali cucian dan cucian tersebut merupakan satu hukum sunat sahaja.

Manakala, berbeza kaedah basuhan bagi najis babi menurut mazhab Malikiyy iaitu tidak perlu dibersihkan dengan tujuh kali basuhan. Perkara ini telah dinyatakan oleh al-Kishnawi, (T.th) iaitu berdasarkan teks berikut:

Terjemahannya: Tidak wajib dan tidak sunat untuk membasuh bejana sebanyak tujuh kali sekiranya dijilat oleh babi dan tidak pula perlu untuk menumpahkan airnya dan membuang makanan yang terdapat di dalamnya.

Seterusnya, al-Mawwaq al-Maliki (1994) turut menyatakan bahawa:

Terjemahannya: Imam Malik telah menyatakan najis babi tidak perlu dibersihkan sebanyak tujuh kali dan ini merupakan Qawl Zahir (pendapat muktamad).

Menurut mazhab Malikiyy cara untuk membersih apa-apa sahaja yang terkena najis *mughallazah* (anjing dan babi) adalah berbeza iaitu bagi najis anjing cukup dengan tujuh kali basuhan sehingga hilang sifat najis tersebut (bau, warna dan rasa) kerana hukum membersihkannya adalah sunat bukannya wajib. Ini adalah berdasarkan hadis 'Abd al- Rahman bin Zayd yang meriwayatkan bahawa dia mendengar Abu Hurayrah RA berkata:

{قال النبي صلى الله عليه وسلم "إذا ولغ الكلب في إماء أحدكم فليغسله سبع مرات }

Maksudnya: Rasulullah bersabda: "Jika seekor anjing menjilat bejana seseorang kamu, hendaklah dia membasuhnya tujuh kali". (Hadis. al-Nasa'iyy. Kitab al- Mujtaba Min al-Sunan. No 64)

Manakala, bagi najis babi pula tidak perlu tujuh kali basuhan kerana basuhan itu tidak dikira sebagai satu yang wajib atau sunat cukup dengan membersihkannya dengan air mutlak sahaja sehingga benar-benar bersih. Bukan itu sahaja, mazhab Hanafiyy dan Malikiyy juga tidak mewajibkan penggunaan tanah semasa proses serta perkara ini telah dijelaskan dalam kitab al-Mawsueat al-Fiqhiat al-Kuaytia (2006):

Terjemahanya: ulama' al-Hanafiyyah dan al-Malikiyyah berpandangan tidak wajib untuk menggunakan tanah semasa menyucikan najis *mughallazah*.

Secara ringkasnya, kedua-dua mazhab ini tidak perlu menggunakan tanah semasa membersihkan najis *mughallazah*. Mazhab Hanafiyy berpandangan tempat yang dijilat anjing mestilah dibasuh sebanyak tiga kali sahaja. Manakala, mazhab Malikiyy menyatakan semua anjing baik yang boleh digunakan untuk penjaga dan buruan ataupun yang tidak boleh, hanya jilatannya saja yang wajib dibasuh sebanyak tujuh kali secara ketaatan (*ta'abbudiyah*) dan bagi najis babi tidak dijelaskan jumlah basuhan.

5.2 Cara Sertu Menurut Pandangan Mazhab Syafi'iyy dan Mazhab Hanbaliyy

Kaedah sertu menurut mazhab Syafi'iyy dan Hanbaliyy adalah sama iaitu dengan tujuh kali basuhan dan salah satunya dengan air yang bercampur tanah. Menurut mazhab Shafi'iyy sertu merupakan satu kaedah penyucian sekiranya apa-apa sahaja terkena mana-mana bahagian daripada najis *mughallazah* yang terdiri daripada najis anjing dan babi hendaklah dibersihkan dengan cara yang tertentu. Perkara ini telah dijelaskan oleh al-Rafi'i, (T.th):

Terjemahanya: Jilatan, peluh dan semua bahagian yang lain seperti air liurnya hendaklah dicuci sebanyak tujuh kali dan salah satunya dengan air yang bercampur tanah bagi najis anjing.

Seterusnya turut dijelaskan oleh al-Nawawiyy (2005) berdasarkan teks tersebut:

Terjemahannya: Hendaklah dibasuh sebanyak tujuh kali dan salah satunya dengan air tanah apa-apa sahaja yang terkena mana-mana bahagian badan anjing. Menurut qawl yang azhar, tanah tidak boleh ditukar dengan bahan yang lain. Bukan itu sahaja, menurut pandangan asah (paling kuat) tidak boleh menggunakan tanah yang bercampur dengan bahan cecair yang lain dan bercampur dengan najis. Manakala, babi pula hukumnya sama seperti anjing.

Manakala, kaedah sertu menurut pandangan mazhab Hanbaliyy berdasarkan perkara yang dinyatakan oleh al- Bahutiyy (1994) iaitu:

Terjemahannya: Najis *mughallazah* (anjing dan babi) atau apa yang terlahir daripada keturunan keduanya atau salah satu daripadanya. Maka, kaedah basuhanya adalah dengan membasuh tujuh kali basuhan dan salah satu daripadanya dengan air tanah.

Berdasarkan penyataan di atas kedua-dua mazhab tersebut bersepakat menyatakan hukum membersihkan najis *mughallazah* adalah dengan tujuh kali basuhan dan salah satunya dengan air tanah. Namun, terdapat beberapa perbezaan hadis yang meriwayatkan tentang waktu yang sesuai untuk mencampurkan air tanah semasa proses serta sama ada pada basuhan pertama, akhir atau salah satu daripadanya. Hadis daripada 'Aliyy RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

{إِذَا وَلَغَ الْكُلْبُ فِي إِمَاءِ أَحَدِكُمْ فَلْيُغْسِلْهُ سَبْعَ مَرَاتٍ إِحْدَاهُنَّ بِالْبَطْحَاءِ}

Maksudnya: "Apabila anjing meminum pada bekas salah seorang daripada kamu, maka, kamu basuhlah ia (bekas) sebanyak tujuh kali, salah satu daripadanya tanah yang rata". (Hadis. Sunan Daraquthni. Kitab Irwa' al-Ghail. No 189)

Hukum penggunaan tanah pada salah satu basuhan telah dijelaskan menurut al- Shawkaniyy (1993) iaitu:

Terjemahannya: di dalam Sunan al-Daraquthni terdapat lafadz "ihdaahunna" juga dan sanadnya adalah daif kerana di dalam sanad hadis tersebut terdapat al-Jarud bin Yazid dan dia adalah seorang yang *matruk* (ditinggalkan riwayatnya)".

Seterusnya, hadis yang menjelaskan tentang basuhan dilaksanakan pada basuhan pertama dan terakhir. Hadis ini telah diriwayatkan oleh Abu Hurayrah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

﴿يَغْسِلُ الْإِنَاءَ إِذَا وَلَعَ فِيهِ الْكَلْبُ سَبْعَ مَرَّاتٍ أَوْ لَهُنَّ أُخْرَاهُنَّ بِالِّزَّابِ﴾

Maksudnya: "Dibasuh bekas apabila dijilat padanya anjing sebanyak tujuh kali, yang pertama atau yang terakhir". (Hadis. Imam al-Tirmizi. Kitab Taharah, Bab Ma Ja' Fi Sur Alkalb. No 91)

Hadis yang riwayatkan daripada Abu Hurayrah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

Maksudnya: "Sucinya bekas salah seorang dari kamu apabila seekor anjing menjilat padanya (bekas tersebut) adalah dengan cara kamu membasuhnya sebanyak tujuh kali, dan basuhan pertama bercampur dengan tanah". (Hadis. Muslim. Kitab al-Taharah, Bab Hukm Wulugh al-Kalb. No 279)

Berdasarkan penerangan oleh 'Abd al-Rahman al-Mubarakfuriyy (2013) iaitu:

Terjemahannya: "Telah berkata al-Hafiz di dalam al-Fath bahawa riwayat "awlahan" adalah lebih rajih dari sudut banyaknya dan juga lebih terpelihara. Selain itu juga, dari sudut makna hadis juga kerana jika dibasuh dengan tanah di akhir maka ia memerlukan basuhan yang lain bagi membersihkannya. Kata penulis "pada permulaannya" atau "pada akhir" basuhan dengan tanah di dalam riwayat al-Tirmidhi, jika kalimah "atau" ia wujud disebabkan oleh syak daripada perawi, maka ia kembali kepada tarjih dan engkau telah ketahui bahawa riwayat "ahrahan" lebih kuat sekalipun jika perkataan itu thabit daripada Rasulullah SAW maka ia menunjukkan takhyir (pemilihan) daripada hadis tersebut".

Secara kesimpulannya, mazhab Syafi'iyy dan Hanbaliyy mengaplikasikan kaedah basuhan sertu dengan tujuh kali basuhan dan mewajibkan penggunaan tanah semasa proses sertu, dengan mengutamakan basuhan air bercampur tanah pada awal basuhan kerana ia lebih baik dan pandangan tersebut lebih rajih.

6. Kesimpulan

Secara kesimpulanya najis *mughallazah* terbahagi kepada dua iaitu najis babi dan anjing. Semua mazhab bersepakat dalam menetapkan hukum haram terhadap seluruh anggota badan babi kerana telah dinyatakan secara jelas dalam nas Syarak tentang pengharamannya. Babi juga diharamkan kerana haiwan tersebut memakan lebih banyak najis dan dianggap lebih kotor daripada anjing sehingga ia tidak boleh dipelihara dalam apa jua keadaan sekalipun dan dibenarkan untuk membunuhnya.

Namun, setiap mazhab berbeza pendapat dalam menetapkan pengharaman tentang najis anjing. Penerangan adalah seperti mana berikut:

- Mazhab Hanafiyy – Najis anjing tidaklah najis pada ain, ia hanya najis pada air liurnya sahaja. Basuhan bagi najis tersebut bukanlah sesuatu perbuatan ta'abuddiy kerana membasuh bejana yang terkena air liur anjing tidak dianggap sebagai ibadah.
- Mazhab Malikiyy – Anjing bukan najis sama ada yang digunakan untuk penjagaan atau pemburuan. Hanya jilatannya sahaja yang dianggap najis. Manakala, basuhan yang dilakukan bagi najis anjing hanya dianggap sebagai ta'abuddiy.
- Mazhab Syafi'iyy dan Hanbaliyy – Kedua-dua mazhab ini bersepakat menyatakan anjing adalah najis secara keseluruhan.

Manakala, kaedah menyucikan najis *mughallazah* anjing dan babi mengikut setiap mazhab adalah sama iaitu pertama mazhab Hanafiyy membasuhnya sebanyak tiga kali atau sehingga hilang sifat najis tersebut dengan air mutlak. Kedua, menurut mazhab Malikiyy hendaklah membasuh najis anjing tersebut sebanyak tujuh kali dengan air mutlak. Namun, bagi najis babi pula hendaklah membasuhnya sehingga hilang sifat najis tersebut tanpa mengira bilangan basuhan. Kedua-dua mazhab tersebut tidak menggunakan air bercampur tanah semasa proses

sertu. Ketiga, mazhab Syafi'iyy dan Hanbaliyy bersepakat dalam menyatakan basuhan bagi najis *mughallazah* adalah dengan membasuhnya sebanyak tujuh kali dan basuhan pertama dengan air bercampur tanah.

Secara kesimpulannya terdapat perbezaan yang jelas dalam menetapkan hukum pengharaman najis anjing dan kaedah basuhan bagi kedua-dua najis *mughallazah* tersebut. Justeru itu, diharapkan kajian ini dapat memberi pendedahan secara jelas berkenaan dengan perbezaan pandangan dan pendapat tentang hukum najis *mughallazah* dan kaedah penyuciannya berdasarkan pandangan mazhab.

Rujukan

- Abd Al-Rahman Al-Mubarafuriyy. (2013). *Tuhfat Al-Ahwadhi Tuhfat Al-Ahwadhi*. Beirut: Dar Alkutub Aleilmiat.
- Abd Qadir. (1991). *Jawahir Al-Afkar Wa Ma'adin Al-Asrar*. Beirut - Lubnan: Almaktab Al'Islamia. Zakariyya Al-Ansariyy. (1994). *Fath Al-Wahhab Bi Sharh Manhaj Al-Talaba*. Dar Al-Fikr.
- Abu Bakr Muhammad. (1992). *Al-Qabas Fi Sharh Muwatta Malik Bin Anas*. Dar Al-Gharb Al-Islami. Abd Al-Wahhab. (2004). *Al-Talqin Fi Al-Fiqh Al-Maliki*. Dar Alkutub Aleilmia. Al-Kishnawi.
- Al Hanafiyy. (2004). *Al-Muhit Al-Burhani Fi Fiqh Al-Nu'mani: Fiqh Imam Abi Hanifah*,. Beirut - Lubnan: Dar Alkutub Aleilmiat.
- Ala Al-Din Al-Kasaniyy. (1986). *Bada'i Al-Sana'i Fi Artibat Al-Shari'a*. Mesir: Matbaeat Sharikat Almatbueat Aleilmiat.
- Al-Bahutiyy (1983). *Kashaf Alqinae Ean Matn Al'iinqnae*. Arab Saudi: Wizarat Aleadl Fi Almamlakat.
- Al-Bahutiyy. (1994). *Al-Rawd Al-Murabba'*. Kuwait: Dar Rakayiz Lilnashr Waltawzie. Al-Shawkaniyy. (1993). Neil Al-Awtar. Mesir: Dar Al-Hadith.
- Al-Hussein. (2000). *Al-Binayah Sharh Al-Hidayah*. Beirut, Lubnan: Dar Alkutub Aleilmiat. Al-Saqliyy. (2013). Aljamie Limasayil Almudawana. Dar Al-Fikr.
- Al-Mardawiyy. (1995). *Al'iinsaf Fi Maerifat Alraajih Min Alkhilaf*. Kaherah: Hajar Liltibaeat Walnashr Waltawzie Wal'iielani.
- Al-Mawsueat, Al-Fiqhiat, Al-Kuaytia. (2006). *Wizarat Al'awqaf Walshuyuwn Al'iislamiyat*.
- Al-Mawwaq Al-Maliki. (1994). *Altaaj Wal'iiklil Limukhtasar Khalil*. Dar Alkutub Aleilmia.
- Al-Nawawiyy. (1994). *Al-Minhaj Sharh Muslim Bin Al-Hajjaj*. Beirut: Dar 'Ihya' Alturath Alearabii. Al-Khatib Al-Shirbini. (2013). *Al Iqna' Fi Halli Alfaz Abi Syuja'*. Beirut: Dar Al-Fikr. Mansur Bin Yunus
- Al-Nawawiyy. (2005). *Minhaj Al-Talibeen Dan Umdat Al-Mufti Dalam Fiqh*. Dar Al-Fikr.
- Al-Rafi'i. (T.Th). *Fath Al-Aziz Bi Sharh Al-Wajeez Al-Sharh Al-Kabir*. Dar Al-Fikr.
- Al-Saqliyy. (2015). *Al-Jamie Limasayil Al-Mudawana*. Dar Al-Fikr.
- Al-Sharbiny. (1994). *Mughni Al-Muhtaj*. Dar Alkutub Aleilmia.
- Ashal Almadarik. (T.Th). Beirut - Lubnan: Dar Al-Fikr.
- Az-Zuhaili, W. (T.Th). *Al-Fiqah Al-Islamiyy Wa Adillatuhu*. Vol. 1. Darul Fikir.
- Ibn Mawdud Al-Musiliyy (1937). *Al-Ikhtiyar Li Ta'lil Al-Mukhtar*. Cairo: Al-HalabiPress.
- Ibn Qudamah. (1997). *Al-Mughni*. Kaherah: Maktabat Alqahira.
- Ibnu Mazah Al-Bukhariyy Al-Hanafiyy. (2004). *Al-Muhit Al-Burhani Fi Fiqh Al-Nu'mani: Fiqh Imam Abi Hanifah*, Beirut - Lubnan: Dar Alkutub Aleilmiat.
- Imam Al-Ghaazali. (1993). *Ihya Ulum Id Din*. Urdu Bazar, Karachi: Darul Ishaat.
- Mansur Bin Yunus Al-Bahutiyy. (1983). *Kashaf Alqinae Ean Matn Al'iinqnae*. Arab Saudi: Wizarat Aleadl Fi Almamlakat Alearabiat Alsaeudia.
- Mustafa Al-Khan, M. A.-B.-S. (1992). *Al-Fiqh Al-Manhaji Mazhab Al-Syafie*. Damsyik: Dar Al-Qalam.